

Headline	Ringgit dibuka rendah berbanding dolar US		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	01 Aug 2018	Color	Full Color
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	E1	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	595 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,049
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 9,147



Ringgit dibuka rendah berbanding dolar US

KUALA LUMPUR: Ringgit dibuka rendah berbanding dolar US hari ini, seiring dengan prestasi mata wang negara sedang pesat membangun Asia akibat ketegangan disebabkan oleh pertikaian perdagangan, kata Ketua Dagangan Asia Pasifik Oanda, Stephen Innes.

Pada 9 pagi, ringgit disebut pada 4.0570/0600 berbanding dolar US daripada paras

4.0550/0600 sewaktu ditutup semalam.

"Kalangan peniaga tempatan masih menunggu petunjuk daripada pihak Bank of Japan dan Jawatankuasa Pasaran Terbuka Rizab Persekutuan Amerika Syarikat serta data penggajian bukan perladangan.

"Bagaimanapun, harga minyak akan kekal sebagai menyokong ringgit manakala sentimen

pasaran negara sedang pesat membangun Asia pula terus mempengaruhi pergerakan harga," katanya.

Sementara itu, berbanding kelompok mata wang utama lainnya, ringgit turut diniagakan lebih rendah.

la susut berbanding dolar Singapura kepada 2.9802/9842 daripada 2.9761/9809 dan rendah berbanding yen Jepun

kepada 3.6559/6593 daripada 3.6509/6563 yang dicatatkan pada Isnin.

Ringgit juga susut berbanding pound Britain kepada 5.3252/3308 daripada 5.3202/3283 dan rendah berbanding euro kepada 4.7491/7530 daripada 4.7379/7445. - Bernama



BUNGA ORKID... Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Sim Tze Tzin (empat, kanan) tertarik dengan kepelbagaian warna dan jenis bunga orkid yang dijual pada Program Fruit, Flower and Food Fiesta 2018 (FAMAFest) di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTG) Gopeng. Turut sama Timbalan Menteri Kesihatan Dr Lee Boon Chye yang juga Anggota Parlimen Gopeng (tiga, kiri) dan Timbalan Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Mansor Omar (dua, kanan). Bernama



PRODUK UMMI... Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNKK) Datuk Saifuddin Nasution Ismail (kanan) dan Pegawai Eksekutif Tesco Malaysia Paul Ritchie (dua, kanan) mendengar penerangan dari Mohd Hafiz Mohd Hanis mengenai produk Ummi ketika lawatan ke tapak jualan dan pameran pada Program Citarasa Malaysia di Tesco Shah Alam. Bernama